

Jenis Akhbar : *Harian Metro*

Tarikh : *25/03/2019*

Edisi / Muka Surat : *Nasional / 22*

Tajuk : *ANGKASA sasar 50 koperasi sekolah capai pendapatan RM1 juta*

Angkasa sasar 50 koperasi sekolah capai pendapatan RM1 juta

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yakin sasaran 50 koperasi sekolah boleh memperoleh pendapatan lebih RM1 juta tahun depan tidak mustahil untuk dicapai.

Ini kerana ketika ini berdasarkan rekod diberikan kepada ANGKASA mendapati sebanyak 500 koperasi sekolah di seluruh negara direkodkan mempunyai pendapatan RM300,000 ke atas.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, daripada jumlah itu pihaknya sudah mengenal pasti 30 koperasi sekolah mempunyai pendapatan antara RM800,000 sehingga lebih RM900,000.

“Jadi tidak mustahil mencapai sasaran 50 koperasi se-

kolah mempunyai pendapatan lebih RM1 juta tahun depan walaupun sekarang baru ada tujuh atau lapan koperasi sekolah berpendapatan sedemikian.

“Untuk meningkatkan lagi perolehan koperasi sekolah, kita menggiatkan lagi usaha mengatur dan sediakan Barang Asas 100 (BA100) bagi memastikan koperasi seluruh negara termasuk koperasi sekolah menjadi outlet menyalurkan dan menjual barang keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula dan tepung.

“Koperasi sekolah tidak boleh lagi hanya bergantung dengan perniagaan tradisional koperasi sekolah yang dahulu seperti jual pensil, pembaris, pemadam, seragam sekolah dan buku sa-

haja. Perniagaan itu tak boleh nak berkembang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menghadiri Persidangan Angkasa Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Muka depan Metro Ahad semalam menyiarkan tujuh sekolah bergelar koperasi jutawan apabila berjaya memperoleh pendapatan lebih RM1 juta.

Koperasi sekolah berkenaan menjalankan pelbagai perniagaan seperti kafeteria, mesin dobi, taska serta menjual peralatan asrama termasuk barangan makanan dan ansuran bulanan pembelian iPad.

Antara koperasi mendapat kejayaan itu ialah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping (Perak), Tun Abdul



LAPORAN Metro Ahad, semalam.

Razak (Pahang), Kepala Batas (Pulau Pinang), Kubang Pasu (Kedah), Batu Pahat Berhad (Johor) dan Kolej Vo-

kasional Tanah Merah (Kerantan).

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, potensi yang

perlu direbut koperasi sekolah ialah membekalkan lebih banyak barang untuk keperluan komuniti sekolah dan sekitar sekolah.

“Sekolah ada komuniti sekitar yang ramai termasuk ibu bapa selain guru, pelajar dan kakitangan sekolah. Kita berharap dengan sokongan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) akan menggalakkan ibu bapa mendapat bekalan barang keperluan di sekolah seperti beras, tepung, gula, minyak dan susu di koperasi sekolah, akan meningkatkan lagi keuntungan.

“Lagipun, koperasi boleh berikan harga kompetitif berbanding di luar disebabkan koperasi membeli banyak dengan harga pukal jadi per unit akan jadi murah,” katanya.